

ASAL USUL DAN PERANAN TRADISI BERTATU DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN

(*The Origin and Function of The Tattoo Tradition in Iban Culture*)

*Mohammad Sufiyan Ali Osman*¹
alfiyanosman@gmail.com

*Adilawati Asri*²
adila25784@gmail.com

*Noria Tugang*³
tnoria@unimas.my

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Semarahan, Sarawak, Malaysia.^{1, 2 & 3}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Sufiyan Ali Osman, Adilawati Asri & Noria Tugang. (2024). *Asal usul dan peranan tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(1), 35–56. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.17(1)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	30/3/2023	Semakan: <i>Revised</i>	14/8/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	9/10/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	2/1/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Penyelidikan ini menjelaskan tentang asal usul dan tujuan tradisi bertatu yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Tradisi bertatu merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat Iban yang dianggap suci kerana dipercayai dapat menghubungkan jiwa masyarakat Iban kepada *petara* (tuhan) mereka. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini. Data yang diperoleh menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dan temu bual dengan informan yang mempunyai kepakaran dalam tradisi tatu. Penyelidik mendapati bahawa setiap motif tatu masyarakat Iban mempunyai makna dan fungsi yang tersendiri kepada golongan

individu yang memiliki. Dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban, tatu dipercayai merupakan simbol yang melambangkan anugerah daripada *petara* kepada sesuatu pencapaian ataupun kejayaan yang dikecapi oleh masyarakat Iban dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, tradisi bertatu ini dilihat sebagai satu tradisi budaya yang bersifat sakral dan mistik dalam budaya masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban tinggal di persekitaran alam semula jadi yang terdapat di kepulauan Borneo. Bagi masyarakat Iban, alam semula jadi dijadikan sebagai sumber idea dan inspirasi untuk menghasilkan motif tatu. Perkara ini memperlihatkan bahawa masyarakat Iban dan alam semula jadi mempunyai hubungan yang rapat dan saling memerlukan antara satu sama lain. Fenomena ini memperlihatkan bahawa masyarakat Iban amat menghargai alam semula jadi yang dijadikan sebagai idea utama dalam membentuk tradisi budaya mereka. Melalui alam semula jadi, masyarakat Iban menghasilkan tradisi bertatu yang menggambarkan sifat dan perwatakan diri seseorang tersebut mempunyai ciri-ciri yang mirip dengan hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran komuniti mereka. Masyarakat Iban percaya bahawa *petara* (tuhan) menciptakan alam semula jadi sebagai sumber rezeki dan penempatan bagi masyarakat Iban. Fenomena ini memperlihatkan bahawa kewujudan alam semula jadi merupakan wadah bagi masyarakat Iban untuk menghasilkan tradisi bertatu bagi menzahirkan kepercayaan mereka terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa.

Kata kunci: Sarawak, masyarakat Iban, alam semula jadi, kepercayaan warisan, tradisi bertatu, kearifan tradisi

Abstract

This research explains the origin and purpose of traditional tattooing in the culture of the Iban community in Sarawak. The tradition of tattooing is part of the culture of the Iban community, and is considered sacred because it is believed to connect the soul of the Iban community to their petara (god). This research used an overall qualitative approach. The data were obtained by conducting observation and interviews with informants who have expertise in the tattoo tradition. The study found that each tattoo motif of the Iban community has its own meaning and function for the group that owns it. This is because in the heritage belief of the Iban community, tattoos are a symbolic gift from petara for an achievement or success experienced in their daily life. Therefore, the tradition of tattooing is seen as a sacred and mystical cultural trait of the Iban community. The Iban community lives in a natural environment. For them, nature is used as a source of ideas and inspiration to produce tattoo motifs. This shows that the Iban community and nature have a close and mutually beneficial relationship. This phenomenon shows that the Iban

community greatly appreciates nature, which serves as the main idea in shaping their cultural traditions. Through nature, the Iban community produces a tattoo that describes the nature and character of a person and has characteristics similar to the natural life in their community.

Keywords: Sarawak, Iban community, nature, traditional beliefs, tattoo tradition, local wisdom

PENDAHULUAN

Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meneroka tradisi bertatu yang berkaitan dengan selok-belok kebudayaan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Iban di Sarawak. Setiap masyarakat mempunyai kearifan tradisi yang diperlihatkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kearifan tradisi unik berpaksikan pemikiran dan cara hidup kelompok masyarakat tersebut.

Masyarakat Iban pada zaman dahulu mempunyai pelbagai tradisi budaya yang unik. Satu daripadanya ialah tradisi bertatu. Tradisi bertatu merupakan budaya yang diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Iban di Sarawak. Dalam konteks masyarakat Iban, tradisi bertatu merupakan sebahagian daripada amalan suci yang dipercayai telah diperturunkan oleh *petara* (tuhan) kepada masyarakat Iban (Sandin, 1967). Pada zaman dahulu, tradisi bertatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban sebagai tanda menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang mencipta alam semula jadi yang menjadi kawasan penempatan dan sumber rezeki mereka. Interaksi sosial masyarakat Iban dengan alam semula jadi secara tidak langsung mempengaruhi kosmologi dan kepercayaan mereka (Jensen, 1974). Masyarakat Iban mempercayai bahawa kehidupan merupakan proses yang berterusan untuk memelihara hubungan yang baik dengan kuasa luar biasa mereka sama ada di alam nyata maupun di alam ghaib. Masyarakat Iban juga mempercayai bahawa setiap objek yang berada di sekeliling mereka mempunyai roh dan semangat yang perlu dihormati (DeMello, 2014). Oleh itu, salah satu amalan tradisi yang dilakukan oleh masyarakat Iban untuk menghargai hidupan yang berada di persekitaran mereka adalah menerusi tradisi bertatu.

Tatu masyarakat Iban terkenal dengan kepelbagaiannya motif yang dipengaruhi oleh unsur alam semula jadi dan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Antara jenis motif tatu utama yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban termasuklah *Bungai Terung, Kelingai, Entegulun, Kala Pah, Ketam Itit, Ukir Rekung, Buah*

Andu, Bungai Tengkawang, Pala Tumpa, Kera Nyangkam, Antu Gerasi, Remaung dan Nabau (Osman et al., 2021). Setiap motif tatu tersebut mempunyai reka letak yang tersendiri pada bahagian badan seseorang individu. Motif tatu Iban ini dipercayai berkait rapat dengan unsur perlindungan daripada gangguan roh dan semangat jahat serta memberikan kekuatan bagi menghadapi serangan musuh (Freeman, 1955). Masyarakat Iban juga melakukan kegiatan mencacah tatu pada bahagian badan mereka atas beberapa tujuan tertentu yang mendasari kepercayaan dan kebudayaan mereka (Saging & Baco, 2022). Oleh itu, pada zaman dahulu, hanya golongan dan individu tertentu yang bertatu berdasarkan pencapaian mereka dalam sesuatu perkara (Anggo, 2014). Oleh itu, tradisi bertatu yang diamalkan dalam kebudayaan masyarakat Iban pada zaman dahulu dilihat berkait rapat dengan kepercayaan mereka terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa.

KAJIAN LEPAS

Kajian literatur penting bagi melihat dan mengetahui perkembangan sesuatu bidang kajian. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pertindihan tajuk atau dalam kajian persamaan topik. Pengumpulan hasil kajian lepas amat penting kerana secara tidak langsung membuktikan bahawa topik ini kurang dibuat perincian pada beberapa bahagian tertentu. Dapat dinyatakan bahawa kurangnya hasil kajian lepas secara saintifik yang menerangkan sepenuhnya tentang topik ini.

Kajian ilmiah tentang tradisi bertatu oleh Aryanti et al. (2022) membincangkan tentang simbolik motif tatu dalam budaya masyarakat Iban. Fakhri dan Kahija (2015) memperlihatkan pertembungan budaya dalam adat bertatu, dan tradisi bertatu masih menjadi simbol budaya yang penting bagi masyarakat Iban di Sarawak. Tambahan pula, usaha melindungi warisan seni tatu dalam budaya masyarakat Iban perlu dipergiatkan agar tradisi ini terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi mereka. Seterusnya, tradisi seni tatu merupakan sebahagian daripada jati diri dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak (Kanyan, 2015). Dalam budaya masyarakat Iban, tradisi bertatu dilakukan untuk melambangkan keperibadian, jati diri dan asal usul masyarakat Iban.

Masyarakat Iban amat dikenali dengan kegiatan mencacah tatu selain turut diamalkan oleh etnik peribumi yang lain seperti etnik Kayan dan Kenyah (Anggo, 2014). Bertatu menjadi satu keperluan dalam budaya masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban akan melakukan kegiatan mencacah tatu apabila mendapat mimpi yang merupakan petanda ataupun anugerah daripada *petara* mereka (Sabang, 2014). Tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban juga sering dikaitkan dengan

peraturan dan beberapa pantang larang tertentu yang perlu dituruti oleh golongan pembuat tatu dan golongan yang ingin bertatu. Peraturan dan pantang larang tersebut merangkumi pemilihan motif tatu, reka letak tatu pada bahagian anggota badan dan status sosial seseorang individu yang ingin memiliki tatu (Saging & Baco, 2022). Sebagai contoh, kanak-kanak lelaki Iban perlu melakukan kegiatan pemburuan haiwan liar sebelum memasuki fasa umur dewasa. Selepas berjaya memperoleh hasil pemburuan haiwan liar tersebut, beberapa motif tatu tertentu akan dicacah pada bahagian badan sebagai penghargaan dan ganjaran atas pencapaian mereka menjadi seorang lelaki yang gagah dan berani (Ganjing, 1988).

Tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban bukan sahaja berfungsi sebagai unsur perhiasan diri dan bergaya semata-mata. Setiap motif tatu yang terdapat dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban bersifat sakral serta mempunyai makna dan peranannya yang tersendiri terhadap golongan yang memiliki tatu tersebut (DeMello, 2014). Bagi masyarakat Iban, tatu merupakan salah satu simbol yang mudah untuk mengenali bangsa mereka. Dengan erti kata lain, tatu diibaratkan sebagai identiti pengenalan diri bagi masyarakat Iban kepada komuniti mereka dan *petara* menurut informan 8 (51 tahun). Selain itu, tradisi bertatu juga dilakukan oleh masyarakat Iban untuk memberikan penghormatan kepada roh nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia yang berada di alam kematian yang lebih dikenali sebagai *dunya sebayan*. Tradisi bertatu menzahirkan penghargaan mereka terhadap alam semula jadi yang banyak memberikan manfaat kepada kehidupan seharian mereka. Masyarakat Iban percaya bahawa hidupan di alam semula jadi, seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan, memiliki semangat dan roh, sama seperti manusia. Oleh itu, berdasarkan kosmologi masyarakat Iban, mereka percaya bahawa *petara* memberikan arahan kepada masyarakat Iban untuk melakukan kegiatan mencacah tatu sebagai satu bentuk penanda bagi memperkenalkan diri mereka sebagai etnik Iban.

Warisan budaya yang berbentuk tidak ketara, seperti tradisi bertatu, perlu dipelihara dalam budaya masyarakat Iban dan didokumentasikan agar dapat menjadi rujukan dan tatapan generasi mereka pada masa hadapan. Tradisi bertatu melambangkan simbol kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak dari aspek motif dan reka corak serta makna yang tersirat di sebalik tatu tersebut terhadap individu yang milikinya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sejarah asal usul dan tujuan tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban ini dilihat kurang dibuat perincian dan penelitian dalam kajian lepas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menghuraikan dan memahami sesuatu perkara secara eksplorasi (Cresswell, 2009). Hal ini demikian kerana dalam kajian lepas kurang diperincikan tentang asal usul dan tujuan tradisi bertatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban. Oleh itu, makalah ini akan meneliti hal yang tersebut.

Pendekatan kualitatif pula digunakan untuk menerangkan sesuatu fenomena secara terperinci (Talib, 2013). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan kerana pendekatan ini dapat mendedahkan kajian secara menyeluruh melalui perolehan data daripada sesi kajian kerja lapangan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan data daripada pihak informan mengenai skop yang dikaji. Antara kelebihan menggunakan pendekatan kualitatif termasuklah menitikberatkan penghuraian sesuatu fenomena (Ahmad & Hasbee, 2014). Pendekatan ini juga membantu penyelidik memahami perasaan, nilai dan persepsi yang mempengaruhi tingkah laku informan. Temu bual lebih memudahkan informan kerana mereka bebas menyatakan pendapat mereka terhadap isu yang berkaitan dengan topik dikaji. Seterusnya sangat membantu dalam proses pengumpulan data.

Untuk kajian ini, temu bual berstruktur digunakan bagi informan yang bekerja di organisasi kerajaan dan swasta, manakala temu bual secara tidak berstruktur digunakan bagi informan yang bekerja sendiri ataupun bukan berorganisasi. Dalam kajian ini, temu bual secara bersemuka (*face to face interview*) dilakukan dengan informan. Pengkaji menyediakan satu set soalan yang telah dirancang untuk menemubual informan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Analisis ini juga diperkuat dengan hasil temu bual bersemuka dengan informan yang lebih pakar dalam kajian ini. Semasa menjalankan kajian ini, terdapat beberapa orang informan yang ditemu bual untuk mendapatkan data. Informan yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan bidang kepakaran mereka, iaitu berkaitan dengan tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban. Untuk melakukan analisis data, model Analisis kandungan (*Content Analysis*) oleh Lamnek (1995) digunakan sebagai pelengkap kaedah pemerhatian dan temu bual semasa menjalankan kajian kerja lapangan. Pada masa yang sama, model ini juga digunakan bagi tujuan pemprosesan dan penganalisisan data yang diperoleh daripada kajian lapangan yang dijalankan.

Jadual 1 Senarai informan dalam sesi temu bual mendalam individu (*individual in-depth-interview*) yang dijalankan dalam bentuk berstruktur.

Senarai Nama Informan	Kepakaran
Informan 1 (72 tahun), Sarikei	<i>Tuai rumah</i>
Informan 2 (87 tahun), Sarikei	Penghulu Kampung
Informan 3 (77 tahun), Sri Aman	<i>Tuai Beburung</i>
Informan 4 (68 tahun), Sri Aman	<i>Indu Nengkebang Indu Muntang</i>
Informan 5 (87 tahun), Sri Aman	<i>Tuai Piring</i>
Informan 6 (87 tahun), Kuching	Tokoh Politik dan Pakar Budaya Iban
Informan 7 (68 tahun), Miri	<i>Lemambang</i>
Informan 8 (51 tahun), Kuching	Pembuat Batu Iban
Informan 9 (43 tahun), Kuching	Pembuat Batu Iban
Informan 10 (44 tahun), Sibu	Pembuat Batu Iban
Informan 11 (41 tahun), Saratok	Pembuat Batu Iban
Informan 12 (49 tahun), Miri	Pembuat Batu Iban
Informan 13 (35 tahun), Kota Samarahan	Pembuat Batu Iban
Informan 14 (33 tahun), Selangor	Penyelidik Budaya Iban

(Sumber: Kajian lapangan 2022)

TRADISI LISAN IBAN TENTANG ASAL USUL TRADISI BERTATU

Secara umumnya, terdapat beberapa tradisi lisan dalam masyarakat Iban yang mengaitkan mereka tentang peringkat awal penciptaan tradisi bertatu. Menurut informan 9 (43 tahun), kebanyakan golongan pakar ritual Iban menyatakan bahawa sebahagian besar tradisi lisan masyarakat Iban adalah lebih cenderung untuk mengaitkan penciptaan tradisi bertatu dengan kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Malah, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa penciptaan motif tatu Iban berasal daripada dewa-dewa Iban yang dikenali sebagai *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Simpurai Muntigerai, Sepatu Manok Antu, Pandak Segatak, Sempungga Lumpong Nangga dan Laja Mirah Mua Nekang Jerenang*. Menurut informan 8 (51 tahun), dewa-dewa perang ini dipercayai tinggal di *Panggau Libau*, iaitu alam ghaib yang menjadi tempat tinggal dewa Iban yang dikenali sebagai *Keling* yang digambarkan sebagai seorang lelaki yang gagah dan kuat, manakala isterinya, *Kumang* memiliki rupa paras yang cantik dan menawan.

Menurut informan 3 (77 tahun), tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu mula dilakukan berdasarkan beberapa tradisi lisan dan legenda mitos yang diperturunkan daripada generasi terdahulu. Masyarakat Iban pada zaman dahulu tidak mempunyai sistem tulisan yang khusus. Oleh itu, masyarakat Iban menjadikan cacahan motif tatu pada bahagian anggota badan sebagai satu cara untuk menggambarkan identiti dan kebudayaan mereka. Setiap motif tatu yang dicacah pada bahagian anggota badan juga dipercayai mempunyai kuasa spiritual yang tidak boleh dimiliki oleh golongan individu biasa berdasarkan pendapat informan 12 (49 tahun).

Kisah Pertengkaran Masyarakat Iban

Menurut informan 3 (77 tahun), asal usul tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban dipercayai bermula daripada peristiwa pertengkaran yang pernah berlaku dalam kehidupan nenek moyang masyarakat Iban pada zaman dahulu. Peristiwa pertengkaran ini melibatkan satu kelompok masyarakat Iban dengan kelompok masyarakat Iban yang lain yang sedang memasak semasa musim menuai padi yang dikenali sebagai *nugal di tegalan*. Semasa kedua-dua kelompok masyarakat Iban tersebut sedang bertengkar, salah seorang daripada mereka telah tertusuk oleh satu objek tajam yang diselaputi jelaga dan meninggalkan kesan berwarna hitam pada bahagian kulitnya.

Pada asalnya, kesan jelaga tersebut hanyalah kesan luka, namun secara tidak sengaja individu tersebut telah memasukkan *alung*, iaitu sisa-sisa kayu yang

berwarna hitam setelah dibakar pada kesan luka. Individu tersebut pun telah menggosok *alung* tersebut pada kesan luka tersebut bagi mengurangkan kesakitan yang dihadapinya. Setelah kesan luka tersebut kering, kesan *alung* yang digosok pada permukaan kulit tadi tidak dapat dihilangkan dengan pelbagai cara sekalipun. Oleh itu, peristiwa ini dipercayai merupakan titik permulaan masyarakat Iban pada masa itu mengistilahkannya sebagai *pantang* ataupun tatu dalam bahasa Iban. Maksud *pantang* secara lebih terperinci ialah sesuatu perkara yang tidak dapat dilakukan lagi. Berdasarkan pendapat informan 7 (68 tahun), kesan daripada peristiwa pertengkaran itu menyebabkan tanaman padi huma yang diusahakan oleh masyarakat Iban tersebut tidak subur.

Kisah Legenda Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai

Masyarakat Iban juga percaya bahawa asal usul penciptaan tradisi bertatu dalam kebudayaan mereka bermula daripada kisah legenda yang diceritakan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu. Berdasarkan pendapat informan 9 (43 tahun), masyarakat Iban pada zaman dahulu memulakan kegiatan mencacah tatu apabila mereka mencontohi kegiatan yang dilakukan oleh Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai. Tradisi bertatu ini dipercayai bermula apabila terdapat dua orang pengembara Iban yang dikenali sebagai Jantau dan Nyanggau yang mencari getah jelutung. Pada zaman tersebut, hasil getah jelutung mendatangkan pulangan yang lumayan kepada masyarakat Iban. Pada suatu hari, Jantau dan Nyanggau bercadang untuk memburu binatang kerana sudah lama tidak makan daging. Tidak lama selepas itu, terdapat dua orang lelaki yang mendatangi Jantau dan Nyanggau kemudian mempelawa mereka berdua singgah ke rumah mereka yang terletak berhampiran dengan kawasan tersebut. Kedua-dua lelaki tersebut sebenarnya ialah Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai yang muncul dalam bentuk manusia.

Setelah sampai ke rumah mereka, kedua-dua burung yang menjelma dalam bentuk manusia tersebut kemudiannya bercadang untuk membuat cacahan tatu pada badan mereka. Menurut informan 8 (51 tahun), cacahan tatu yang dihasilkan oleh Burung Bunsu Bubut pada bahagian badan Burung Bunsu Ruai kelihatan cantik dan menarik serta membuatkan Burung Bunsu Ruai menyukai cacahan tatu tersebut. Selepas habis mencacah tatu, tiba giliran Burung Bunsu Ruai untuk mencacah tatu pada bahagian badan Burung Bunsu Bubut pula. Namun begitu, apabila badan Burung Bunsu Bubut telah hampir siap dicacah dan dilihat lebih cantik daripada cacahan pada badannya, Burung Bunsu Ruai telah bertukar fikiran. Burung Bunsu Ruai secara sengaja telah memburukkan cacahan tatu pada badan Burung Bunsu Bubut kerana

tidak ingin Burung Bunsu Bubut kelihatan lebih cantik daripada dirinya. Burung Bunsu Ruai dengan sengaja telah mewarnakan badan Burung Bunsu Bubut dengan dakwat tatu bewarna hitam dan merah tanpa sebarang corak. Setelah menyedari perbuatan yang dilakukan oleh Burung Bunsu Ruai tersebut, Burung Bunsu Bubut berasa marah dan kecewa sehingga berlakunya pergaduhan antara mereka berdua. Jantau dan Nyanggau telah berusaha untuk menghentikan pergaduhan antara Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai, namun tidak berjaya. Semasa berlakunya pergaduhan antara kedua-duanya, tiba-tiba berlaku kejadian yang aneh, iaitu Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai bertukar menjadi burung dan terbang ke dalam hutan rimba. Rumah yang didiami oleh mereka berdua juga telah lenyap serta-merta. Setelah kejadian tersebut, Jantau dan Nyanggau pulang semula ke pondok mereka untuk meneruskan kegiatan pemburuan mereka. Jantau dan Nyanggau sangat



Rajah 1 Proses pembuatan tatu menggunakan kaedah tradisional.
(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

meminati dan kagum dengan hasil cacahan tatu yang dilakukan oleh Burung Bunsu Bubut dan Burung Bunsu Ruai. Mereka meneruskan kegiatan mencacah tatu apabila mereka kembali ke kampung halaman mereka. Peristiwa ini dipercayai merupakan permulaan bagi penciptaan tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban.

Kisah Legenda Makhluk Mitos *Remaung*

Salah satu perkara yang menjadi faktor utama dalam kepercayaan masyarakat Iban mengamalkan tradisi bertatu adalah apabila wujud makhluk mitos yang dikenali sebagai *Remaung*, iaitu makhluk yang badannya separuh harimau dan separuh manusia berdasarkan pendapat informan 5 (87 tahun). Menurut beliau, sekiranya seseorang individu yang berbangsa Iban tidak memiliki tatu pada bahagian badannya ketika berjalan di kawasan hutan, mereka amat mudah untuk menjumpai barang kepunyaan mereka sendiri. Sekiranya barang-barang tersebut disentuh ataupun dibawa pulang ke rumah, maka dikhuatiri individu tersebut akan ditimpah malapetaka seperti terkena serangan penyakit yang akan membawa kematian. Menurut informan 7 (68 tahun) pula, bagi golongan individu yang memiliki tatu, masyarakat Iban percaya bahawa *Remaung* akan mengenali mereka sebagai seorang manusia dan tidak akan menganggu mereka. Oleh itu, dalam budaya masyarakat Iban, terdapat motif tatu *Remaung* yang dipercayai merupakan makhluk mitos yang digambarkan berperwatakan ganas, gagah, berbahaya dan kuat, yang pernah wujud dalam kehidupan masyarakat Iban pada zaman dahulu (Kiyai, 2022).

Pengalaman Mimpi *Gemong*

Terdapat juga dalam tradisi lisan masyarakat Iban menyatakan bahawa tradisi bertatu bermula daripada kisah nenek moyang mereka yang lebih dikenali sebagai *Gemong* berdasarkan pendapat informan 1 (72 tahun). Pada zaman dahulu, *Gemong* dipercayai telah bermimpi dibawa oleh kuasa-kuasa luar biasa ke alam ghaib dalam keadaan tidak sedarkan diri semasa sedang tidur di pondoknya. Semasa berada di alam ghaib tersebut, *Gemong* dipercayai telah melihat sekumpulan lelaki di sebuah rumah panjang yang mempunyai pelbagai jenis ukiran tatu pada bahagian badan mereka yang dikenali sebagai motif *Kelingai*. Selain itu, *Gemong* juga melihat pelbagai jenis ukiran tatu yang cantik pada bahagian dinding dan tiang rumah panjang tersebut. *Gemong* pun dibawa oleh sekumpulan lelaki tersebut untuk berjumpa dengan ketua rumah panjang tersebut. Dalam mimpi tersebut, dipercayai ketua rumah panjang tersebut telah memperkenalkan *Gemong* dengan jenis ukiran tatu yang terdapat

pada bahagian dinding dan tiang rumah panjang tersebut. Gemong juga mendapati bahawa peralatan lain di rumah panjang tersebut turut dihiasai ukiran tatu. Sebagai contoh, alu dan lesung, sarung parang, hulu parang, bakul, raga, meja, perisai dan barang-barang lain dihiasi motif tatu yang menarik. Gemong kemudiannya berasa kagum dan tertarik akan ukiran tatu yang terdapat pada badan sekumpulan lelaki dan rumah panjang tersebut, serta berhasrat untuk memilikinya. Oleh itu, Gemong pun memohon hajat daripada sekumpulan lelaki tersebut agar dicacah tatu pada badannya oleh golongan pakar pembuat tatu daripada alam ghaib tersebut. Tatu yang dicacah pada badan Gemong tersebut dipercayai mengambil masa selama tiga hari untuk disiapkan. Golongan pakar pembuat tatu dari alam ghaib tersebut telah menggunakan peralatan mencacah tatu, seperti jarum dan jelaga minyak yang dikenali sebagai *arok* dalam bahasa Iban.

Setelah golongan pembuat tatu tersebut selesai mencacah tatu pada badan Gemong, beliau berhasrat untuk memiliki cacahan tatu *Entegulun* pada bahagian belakang tangannya. Namun begitu, motif tatu tersebut hanya boleh dicacah dan dimiliki oleh golongan pahlawan Iban yang pernah membunuh dan memenggal kepala musuh semasa menyertai ekspedisi ngayau. Maka, Gemong pun telah dihantar semula oleh sekumpuan lelaki tersebut ke alam nyata tidak lama selepas itu. Setelah Gemong kembali semula ke alam nyata dan tersedar daripada mimpiinya, beliau telah menceritakan peristiwa yang dialaminya semasa berada di alam ghaib tersebut kepada rakan-rakannya di rumah panjang. Semenjak peristiwa tersebut, Gemong telah melakukan kegiatan mencacah tatu berdasarkan pengalaman yang dialaminya semasa bermimpi bertemu dengan kuasa luar biasa tersebut. Berdasarkan pendapat informan 1 (72 tahun), setelah mendengar pengalaman yang dialami oleh Gemong, masyarakat Iban mula tertarik akan kisah tersebut dan mereka berasa teruja untuk memiliki tatu pada bahagian badan mereka. Peristiwa ini dipercayai merupakan permulaan bagi pengamalan tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban sehingga kini.


FUNGSI TRADISI BERTATU DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN

Tradisi bertatu merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Iban yang amat penting dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan adat dan kepercayaan warisan masyarakat Iban, tradisi bertatu merupakan tradisi budaya yang dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu. Lazimnya, kegiatan mencacah tatu dilakukan oleh masyarakat Iban untuk beberapa tujuan tertentu dan tatu hanya boleh dimiliki oleh golongan individu yang berkelayakan dalam budaya

mereka. Tradisi bertatu merupakan sebahagian daripada kegiatan suci dan bersifat sakral yang melibatkan pemujaan kuasa-kuasa luar biasa dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban. Antara peranan tradisi bertatu dalam masyarakat Iban termasuklah memperlihatkan simbol identiti mereka, pengkategorian status sosial dalam kalangan komuniti mereka, perlindungan roh di alam kematian, unsur perhiasan dan kecantikan, pencapaian dalam kegiatan pemburuan dan peralihan usia seseorang individu dalam fasa kehidupan.

Simbol Identiti Masyarakat Iban

Menurut informan 6 (87 tahun), masyarakat Iban pada zaman dahulu amat berpegang teguh dengan kepercayaan warisan mereka. Sehubungan itu, tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban berfungsi sebagai simbol untuk melambangkan identiti, asal usul dan jati diri mereka. Seseorang individu yang berketurunan Iban



Rajah 2 Contoh motif tatu *Bungai Terung* dan *Kelingai*.

(Sumber: Kajian lapangan 2021)

harus memiliki cacahan tatu Iban pada bahagian badannya sebagai tanda bahawa mereka tergolong atau sebahagian daripada etnik tersebut. Sekiranya seseorang individu yang berketurunan Iban tidak memiliki tatu, golongan etnik peribumi yang lain sukar mengenali diri mereka, sama ada mereka berketurunan Iban atau etnik yang lain. Oleh itu, sekiranya masyarakat Iban pada zaman dahulu tidak memiliki tatu, mereka akan dianggap tidak mentaati hukum adat Iban, pantang-larang dan amalan kepercayaan mereka.

Simbol Pengkategorian Status Sosial

Bagi masyarakat Iban pada zaman dahulu, tradisi bertatu yang diamalkan di rumah panjang adalah bertujuan untuk membezakan status sosial dan pangkat mereka. Menurut informan 2 (87 tahun), pada zaman dahulu, kegiatan mencacah tatu hanya boleh dilakukan oleh golongan pembuat tatu yang diiktiraf kepakarannya oleh kuasa-kuasa luar biasa dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, dengan adanya motif tatu pada badan seseorang, kedudukan mereka dibezakan, sama ada tergolong dalam golongan atasan atau golongan bawahan dalam kalangan komuniti mereka di rumah panjang. Sebagai contoh, golongan individu lelaki masyarakat Iban yang mempunyai motif tatu yang banyak pada bahagian badannya dikategorikan sebagai golongan atasan. Menurut kepercayaan warisan masyarakat Iban, golongan yang memiliki tatu yang banyak pada badannya dipercayai merupakan seorang yang berpengaruh kerana terlibat dalam banyak ekspedisi ngayau (pemburuan kepala musuh) dan juga *bejalai* (mengembara). Oleh itu, golongan ini dianggap mempunyai kedudukan yang tinggi dalam komuniti kerana mempunyai banyak pencapaian dalam kehidupannya.

Bagi golongan wanita pula, menurut informan 4 (68 tahun), hanya individu yang memiliki kemahiran dalam kegiatan menenun *pua kumbu* dan ngajat (tarian tradisional Iban) yang boleh memiliki tatu. Terdapat juga golongan wanita yang merupakan sebahagian daripada keluarga bangsawan yang memiliki tatu pada bahagian peha, serta dilengkapi gelang yang dipakai pada bahagian pergelangan kaki. Kaum wanita ini dikategorikan mempunyai status sosial yang tinggi dan pencapaiannya mempunyai taraf yang sama dengan pencapaian kaum lelaki. Oleh itu, tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban di rumah panjang adalah untuk menggambarkan simbol status sosial mereka bagi memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan golongan yang lebih berpengalaman apabila ingin melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian mereka.


Perlindungan Roh di *Dunya Sebayan* (Alam Kematian)

Berdasarkan pendapat informan 9 (43 tahun), tradisi bertatu yang diamalkan dalam budaya masyarakat Iban juga berperanan untuk memberikan perlindungan kepada roh selepas mengalami kematian di alam nyata. Dalam konsep ini, masyarakat Iban percaya bahawa roh masyarakat Iban yang meninggal dunia akan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan semasa dalam perjalanan menuju ke perkampungan bagi orang-orang yang sudah meninggal dunia. Cabaran yang paling sukar dihadapi oleh masyarakat Iban adalah semasa hendak menyeberangi sungai *Batang Mandai* (sungai kematian). Hanya roh dan jiwa masyarakat Iban yang memiliki tatu yang dapat menyeberangi sungai tersebut.

Masyarakat Iban percaya bahawa tatu yang dicacah pada badan mereka akan bertukar menjadi cahaya dan akan menerangi persekitaran mereka bagi memudahkan mereka menyeberangi sungai kematian tersebut dengan selamatnya. Cahaya tersebut juga memudahkan nenek moyang mereka mengenali jiwa saudara-mara dan kaum keluarga mereka sebaik-baik sahaja berjaya menyeberangi sungai kematian tersebut. Dalam erti kata lain, tatu dianggap sebagai cahaya lampu yang menjadi penyuluh bagi menerangi persekitaran di alam kematian masyarakat Iban dan membolehkan mereka sampai ke perkampungan kematian dengan selamatnya. Di samping itu, roh masyarakat Iban yang tidak memiliki tatu pula dipercayai tidak menjumpai jalan semasa ingin pergi ke perkampungan kematian. Mereka juga dipercayai akan terserempak dengan penjaga sungai kematian tersebut, dikenali sebagai *Maligang*, yang akan menghalang laluan mereka untuk menyeberangi sungai kematian. *Maligang* juga akan memaksa roh masyarakat Iban yang tidak memiliki tatu untuk terjun ke sungai kematian yang dihuni oleh ikan gergasi yang berbisa yang dikenali sebagai *Patan* untuk menyukarkan perjalanan mereka merentasi sungai kematian tersebut menuju ke perkampungan kematian.

Pencapaian Ekspedisi Ngayau (Pemburuan Kepala Musuh)

Berdasarkan pendapat informan 6 (87 tahun), beliau menyatakan bahawa pengamalan tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban juga merupakan satu pencapaian dalam kegiatan pemburuan kepala musuh yang lebih dikenali sebagai ekspedisi ngayau. Menurut beliau, pada asalnya, tujuan masyarakat Iban melakukan ekspedisi ngayau adalah untuk mempertahankan komuniti mereka daripada serangan ataupun pencerobohan oleh pihak musuh. Beliau juga menyatakan bahawa ekspedisi ngayau merupakan manifestasi adat tradisi dalam budaya masyarakat Iban dan bukannya



Rajah 3 Golongan pahlawan Iban bertatu menandakan mereka sudah melakukan ekspedisi ngayau.

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

membunuh seseorang tanpa sebarang tujuan yang jelas. Pengaruh dalam ekspedisi ngayau adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan status sosial, kepercayaan, dan kelangsungan hidup.

Golongan pahlawan yang berjaya memenggal kepala musuh akan dicacah dengan tatu untuk menandakan kejayaan mereka melengkapkan tradisi tersebut yang seterusnya mengangkat martabat mereka sebagai golongan lelaki yang disanjung dan dihormati. Ekspedisi ngayau dalam adat masyarakat Iban secara dominannya dipengaruhi oleh adat *bejalai*, iaitu mengembara. Terdapat sesetengah kaum lelaki masyarakat Iban mencacah tatu pada bahagian badan mereka terlebih dahulu sebelum pergi mengembara ke negeri lain sebagai tanda peringatan terhadap tempat asal mereka. Menurut informan 8 (51 tahun), terdapat satu gelaran yang amat dikenali dalam kalangan golongan lelaki Iban pada zaman dahulu, iaitu “*Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Takang Isang*”. Gelaran ini membawa maksud semakin banyak bilangan kepala musuh yang dibawa pulang daripada kegiatan pemburuan, semakin banyak tatu yang dicacah pada pahlawan yang memenggal kepala musuh

tersebut. Oleh itu, tatu tidak boleh dicacah sembarangan pada golongan yang masih belum layak memiliki ataupun belum pernah menyertai ekspedisi ngayau. Hanya golongan tertentu yang tidak melanggar syarat atau pantang-larang dalam kepercayaan masyarakat Iban yang layak memiliki tatu.

Unsur Perhiasan dan Kecantikan Diri

Berdasarkan pendapat informan 4 (68 tahun), tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu juga berfungsi sebagai unsur perhiasan dan elemen kecantikan diri bagi golongan lelaki dan wanita Iban. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban amat mementingkan bilangan motif tatu yang terdapat pada bahagian badan seseorang individu, sama ada golongan lelaki mahupun wanita dalam pemilihan bakal suami isteri.

Bagi golongan lelaki Iban, sekiranya mereka tidak mempunyai tatu pada bahagian badan, mereka dianggap seperti tidak berpakaian ataupun seperti rumah yang tidak beratap oleh komuniti mereka menurut informan 3 (77 tahun). Tatu berfungsi untuk



Rajah 4 Motif tatu berfungsi sebagai elemen perhiasan pada anggota badan.
(Sumber: Kajian lapangan, 2022)



Rajah 5 Tatu berfungsi sebagai simbol identiti pengenalan diri masyarakat Iban.
(Sumber: Kajian lapangan, 2021)

menarik perhatian golongan wanita terhadap diri mereka serta memperlihatkan sifat kelelakian dan kematangan diri. Bagi golongan wanita pula, menurut beliau, tatu berfungsi sebagai perhiasan dan kecantikan diri untuk menarik perhatian lelaki terhadap diri mereka. Selain itu, tatu juga berfungsi untuk menandakan kemampuan mereka melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan kewajipan sebagai isteri, serta berkebolehan dalam kegiatan menenun dan menari. Namun begitu, motif tatu khas yang dicacah pada golongan wanita Iban tidak banyak seperti golongan lelaki Iban. Motif tatu golongan wanita Iban bersaiz kecil berbanding dengan saiz motif tatu golongan lelaki Iban. Menurut informan 4 (68 tahun), tatu tersebut menggambarkan sifat golongan wanita Iban yang mempunyai perwatakan lemah lembut dan jiwa yang lebih halus, serta teliti dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Menurut informan 4 lagi, tradisi bertatu yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban adalah bertujuan untuk membawa unsur kecantikan, penyembuhan, perlindungan dan keberkatan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Oleh itu, generasi tua masyarakat Iban amat mementingkan tanda tatu sebagai syarat utama dalam pencarian bakal menantu. Lambang tatu ini dapat menggambarkan diri individu Iban yang berkualiti dan dipercayai dapat membawa kesejahteraan hidup dalam hubungan suami isteri dan seterusnya keluarga.

Peralihan Usia dalam Fasa Kehidupan

Menurut informan 11 (41 tahun), tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban juga menggambarkan bahawa seseorang individu tersebut telah melalui fasa peralihan usia dalam kehidupannya. Dalam konsep ini, tatu diibaratkan sebagai simbol atau tanda bagi seseorang individu Iban itu telah melalui peringkat umur yang berbeza, iaitu bermula daripada peringkat kanak-kanak, remaja sehingga dewasa.

Dalam erti kata lain, tradisi bertatu memperlihatkan peringkat umur seseorang individu tersebut seiring dengan peningkatan usia, iaitu daripada peringkat kanak-kanak kepada remaja, dewasa dan seterusnya tua. Dengan ini, tradisi bertatu berfungsi untuk melambangkan seseorang individu yang sudah melalui pelbagai cabaran dalam



Rajah 6 Tatu berfungsi sebagai simbol identiti pengenalan diri masyarakat Iban.
(Sumber: Kajian lapangan, 2021)

beberapa fasa kehidupan yang berbeza. Sebagai contoh, setiap golongan masyarakat Iban yang mempunyai peringkat umur yang berbeza mempunyai motif tatu yang tersendiri dan tatu itu berperanan untuk melambangkan pencapaian yang dilalui pada setiap peringkat umur yang berbeza. Dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban, tradisi bertatu berperanan sebagai simbol bagi menzahirkan kepercayaan mereka terhadap kewujudan *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai memberikan kesejahteraan, kekuatan dan kebahagiaan dalam kehidupan sehari-hari.

KESIMPULAN

Kewujudan tradisi budaya sebenarnya mencerminkan kearifan tradisi masyarakatnya yang bertamadun dan berintelektual tinggi. Kearifan tradisi dan kepandaian masyarakat Iban dalam hal memahami dan menilai sifat alam semula jadi telah membentuk tradisi bertatu dengan menjadikan hidupan alam sebagai simbol yang menterjemahkan maksud dan peranan tertentu kepada golongan yang memiliki. Oleh itu, perilaku dan sifat alam semula jadi telah digambarkan oleh masyarakat Iban sebagai lambang untuk memperlihatkan asal usul dan identiti kebudayaan mereka.

Sejak awal penciptaannya, tradisi bertatu merupakan simbol yang digunakan oleh masyarakat Iban bagi menzahirkan kepercayaan terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa mereka. Tradisi bertatu merupakan tradisi yang mempunyai jaringan sosial yang amat luas dengan segala aspek kehidupan masyarakat Iban. Antaranya termasuklah aspek kepercayaan, ekonomi, kepimpinan dan status sosial dalam masyarakat. Tradisi bertatu dipercayai merupakan tradisi yang telah diperturunkan dan dikurniakan oleh *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban supaya mereka memperoleh segala kesempurnaan hidup.

Kesimpulannya, tradisi bertatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu adalah bertujuan bagi menzahirkan kepercayaan mereka terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai membantu mereka dari segenap aspek sosial dalam kehidupan sehari-hari. Tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban berperanan untuk melambangkan asal usul, simbol identiti dan jati diri mereka bagi membezakan diri mereka dengan etnik lain.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Ahmad, R., & Hasbee, Usop (2014). Conducting research in social sciences and management studies. Malaysia: RS Publishing House.
- Anggo, F. (2014). *Seni motif tatu tradisional masyarakat Iban dan masyarakat Kenyah di Sarawak*. (Laporan Projek tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak.
- Aryanti, D. R., Sumawinata, S., & Fathiraini, N. (2022). Tradisi tatu Dayak sebagai simbol strata sosial. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 39–44.
- Cresswell, J.W. (2009). Research design qualitative, quantitative and mixed method approaches (3rd Edition). Library of Congress Cataloging in Publications Data.
- DeMello, M. (2014). *Body studies: An introduction*. Routledge: Taylor & Francis
- Fakhri, M., & Kahija, Y. F. (2015). Menelusuri kehidupan pantang Iban: Gambaran psikologis manusia berbudaya tato sebuah interpretative phenomenological analysis. *Jurnal EMPATI*, 4(2), 51–57. <https://doi.org/10.14710/empati.2015.14891>
- Freeman, J. D.(1955). *Iban agriculture: A report on the shifting cultivation of hill rice by the Iban of Sarawak*. Her Majesty's Stationery Office.
- Ganjing, A. A. (1988). *Basic Iban design: An introduction*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Clarendon Press.
- Kanyan, R., & Zainurul, A. A. R. (2015). *Exploring the semiotics of the Dayak motifs in Sarawak*. In Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS).
- Kiyai, G. (2022). Sejarah budaya ngayau dalam masyarakat Iban di Sarawak: Ngayau culture in the Iban community in Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6 (1), 121–137.
- Lamnek. (1995). Qualitative analysis in spesific contexts. Sarantakos S., Social Research, (1993), (305–306). Charles Sturt University.
- Osman, M. S., Asri, A., & Shaik Hussain, S. A. (2021). Falsafah alam takambang jadi guru dalam kearifan tradisi masyarakat Iban: Seni tatu. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 1–15. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.2.268>
- Sabang N. (2014). *Adat bertatu (bepantang) dalam masyarakat Iban*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/8408104/Adat_Bertatu_Bepantang_dalam_masyarakat_Iban.
- Sandin, Benedict. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.

- Saging, S., & Baco, Z. (2022). Simbolik motif-motif tatu tradisional masyarakat kaum Iban di Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak: Symbolic of the Traditional Tattoo Motifs of the Iban People in Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 155–172.
- Talib, O. (2013). Asas Penulisan tesis, Penyelidikan & Statistik. Penerbit Universiti Putra Malaysia.